

Bahagian A
[20 markah]

1. Antara yang berikut yang manakah betul mengenai tauhid Uluhiyyah?
- A Kekuasaan Allah SWT meliputi langit dan bumi.
 - B Kalimah syahadah merupakan paksi utama tauhid ini.
 - C Orang yang beriman dengan tauhid ini akan sesat selamanya.
 - D Allah SWT memiliki nama-nama yang indah dan sifat-sifat yang sempurna.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">▪ Membuktikan kebenaran para rasul▪ Menunjukkan kekuasaan Allah SWT▪ Menambahkan keyakinan terhadap rasul |
|---|

2. Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Sihir
- B Irhas
- C Maunah
- D Mukjizat

3. Antara yang berikut yang manakah menerangkan tentang peranan wahyu?

- I Memberitahu zat Allah SWT
- II Membetulkan akidah yang salah
- III Memimpin manusia ke jalan yang benar
- IV Memastikan dibaca oleh setiap umat Islam

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

4. Alam yang bakal ditempuhi oleh manusia mengikut turutan yang betul ialah

- A Mati – Mahsyar – Alam Barzakh – Hari Kiamat
- B Mati – Alam Barzakh – Mahsyar – Hari Kiamat
- C Mati – Alam Barzakh – Hari Kiamat – Mahsyar
- D Mati – Hari Kiamat – Alam Barzakh – Mahsyar

5. Berikut merupakan pemikiran yang menyalahi syarak **kecuali**
- A memikirkan sesuatu yang boleh memajukan masyarakat
 - B menimbulkan keraguan tentang kewujudan perkara-perkara ghaib
 - C mereka fahaman-fahaman yang boleh memecah-belahkan manusia
 - D mereka sesuatu yang boleh mendatangkan kemudharatan kepada alam

- Berfahaman sempit
- Menafikan kekuasaan Tuhan
- Taasub dengan bangsa dan tempat

6. Pernyataan di atas merujuk kepada

- A matlamat pengaruh asing
- B ciri-ciri pengaruh asing
- C tujuan pengaruh asing
- D kesan pengaruh asing

7. Antara yang berikut yang manakah **bukan** kepentingan hadis?

- A Hadis mentakhsiskan maksud nas yang umum
- B Hadis menghuraikan nas-nas al-Quran yang mujmal
- C Hadis menghuraikan sesuatu ilmu fardhu kifayah secara menyeluruh
- D Hadis menguatkan hukum-hukum yang terdapat nasnya dalam al-Quran

- Kelahirannya pada waktu tertentu
- Disampaikan oleh utusan Allah SWT
- Bersifat mutlak dan universal

8. Pernyataan di atas menerangkan tentang

- A ciri-ciri agama langit
- B ciri-ciri agama budaya
- C prinsip agama budaya
- D prinsip agama langit

9. Kesan pencerobohan harta terhadap masyarakat ialah
- A masyarakat hidup dalam ketakutan
 - B masyarakat saling tolong-menolong
 - C masyarakat akan bertambah maju dalam bidang ekonomi
 - D masyarakat bebas bekerja untuk memiliki harta yang banyak
10. Antara yang berikut yang manakah muamalah yang merupakan kontrak jual beli barang secara ansuran?
- I Al-Murabahah
 - II Al-Musyarakah
 - III Al-Mudharabah
 - IV Al-Bai' bithaman ajil
- A I dan III
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Menceritakan amalan baik yang dilakukan kepada orang lain supaya mendapat pujian dan sanjungan daripada masyarakat

11. Pernyataan di atas merujuk kepada
- A riak
 - B ujub
 - C sum'ah
 - D hasad dengki
12. Taklif bermaksud
- A menghimpunkan solat Zuhur dan Asar ketika bermusafir
 - B pemikiran manusia yang tidak bertentangan dengan syariat Islam
 - C kebebasan melakukan sesuatu ibadah mengikut kehendak kemampuan seseorang
 - D tanggungjawab yang diberikan kepada seseorang yang telah baligh dan sempurna akal fikiran

13. Konsep Syumuliyah dalam bidang perundangan termasuklah

- I menjaga hak asasi manusia
- II hukuman yang dijatuhkan mestilah setimpal dengan kesalahan
- III konsep pembalasan yang diamalkan dalam Islam adalah untuk dunia sahaja
- IV Islam menerapkan keadilan bersifat sejagat tanpa mengira agama dan kaum

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

14. Apakah hikmah penetapan hukum haram?

- A Memberi kelonggaran kepada umat Islam untuk membuat pilihan yang sesuai.
- B Memastikan manusia sentiasa berdisiplin dengan meninggalkan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah SWT.
- C Mengeratkan hubungan silaturahim sesama manusia dan menghapuskan dosa-dosa kecil yang telah dilakukan.
- D Memastikan manusia tidak meninggalkan perkara asas dalam agama dan melakukan perkara yang boleh membawa kebaikan dalam hidup mereka.

Pembatalan ikatan perkahwinan atau perceraian menurut keputusan kadi disebabkan syarat-syarat yang dipenuhi pada masa akad nikah

15. Pengertian di atas merujuk kepada

- A lian
- B talak
- C khulu'
- D fasakh

16. Antara yang berikut yang manakah menerangkan tentang etika kehakiman?

- A Hakim menjalankan tugas dengan jujur dan amanah.
- B Hakim boleh menghakimi orang yang ada kepentingan dengannya.
- C Hakim boleh mensabitkan kesalahan jika ada kepentingan dengannya.
- D Hakim boleh menyebelahi mana-mana pihak sama ada pendakwa atau tertuduh.

17. Kesalahan yang manakah boleh dijatuhkan hukuman qisas?

- A Zina
- B Mencuri
- C Membunuh
- D Minum arak

18. Ciri-ciri pekerjaan yang digalakkan oleh Islam ialah

- I Pekerjaan yang mudah dilakukan
- II Pekerjaan yang menepati kehendak syarak
- III Pekerjaan yang tidak mencemarkan alam sekitar
- IV Pekerjaan yang tidak mengganggu ketenteraman awam

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

- Mengamalkan sifat jujur dan amanah dalam semua urusan
 - Melarang penipuan dalam sukatan dan timbangan
 - Melarang perbuatan monopoli dan manipulasi
 - Melarang sebarang penindasan dan penganiayaan seperti riba

19. Pernyataan di atas menjelaskan Waqi'iyah dalam aspek

- A perdagangan
- B pekerjaan
- C jual beli
- D muamalah

20. Berikut yang manakah **salah** tentang hak asasi manusia?

- A Memelihara kehormatan
- B Memelihara harta benda
- C Kebebasan berkeluarga
- D Kebebasan memiliki harta

Bahagian B
[20 markah]

Soalan 21 hingga Soalan 24

Tulis istilah yang bersesuaian dengan pertanyaan berikut pada ruangan yang disediakan.

21. Terpelihara daripada melakukan dosa kecil atau dosa besar serta perkara yang merendahkan martabatnya.
22. Pengakuan bahawa Allah SWT yang berhak disembah dan ditaati secara mutlak.
23. Agama yang meliputi kehidupan di dunia dan di akhirat serta ianya lengkap dan sempurna.
24. Sesuatu harta yang diberikan Allah SWT kepada hamba untuk dimiliki dan dimanfaatkan.


Soalan 25 hingga Soalan 28

Lengkapkan pernyataan berikut:

25. Kewujudan _____ yang tidak dapat ditanggapi pancaindera manusia.
26. Seseorang yang ingkar dan tidak percaya kepada Tuhan digelar _____
27. Rukhsah seperti Solat Jamak dan Qasar adalah contoh prinsip _____ dalam Islam.
28. Bekerja dengan ikhlas dan kerana Allah SWT adalah _____ kerja Islam.

Soalan 29 dan Soalan 30

Lengkapkan kenyataan dalam carta di bawah:




29. P ialah _____

30. Q ialah _____

Soalan 31 dan Soalan 32

Lengkapkan carta di bawah;



31. R ialah _____

32. S ialah _____

Soalan 33 hingga Soalan 36

Berikut adalah kenyataan yang menunjukkan jenis muamalah. Tuliskan jenis muamalah berdasarkan kenyataan berikut.

W	Keuntungan dan kerugian bergantung kepada prestasi mereka.
X	Pinjaman wang atau barangan dengan membuat cagaran.
Y	Keuntungan diperolehi berdasarkan budi bicara.
Z	Suatu kontrak jual beli barangan oleh sesuatu pihak.

33. W ialah _____

34. X ialah _____

35. Y ialah _____

36. Z ialah _____

Soalan 37 hingga Soalan 40

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul.

Tandakan (X) pada pernyataan yang salah.

37. Ajaran Islam tidak sesuai dengan fitrah akal dan kejadian insan.

38. Antara prinsip Rabbaniyyah adalah segala peraturan hidup ditentukan oleh Allah SWT.

39. Penyelesaian sesuatu isu dan masalah hendaklah melalui akhlak, syariat dan akidah.

40. Hukum hudud bagi kesalahan qazaf ialah 40 kali sebatan.

KERTAS SOALAN TAMAT

KERTAS JAWAPAN
Bahagian A

- | | | | | | | | | | | |
|----|---|---|---|---|--|----|---|---|---|---|
| 1 | Ⓐ | Ⓑ | Ⓒ | Ⓓ | | 11 | Ⓐ | Ⓑ | Ⓒ | Ⓓ |
| 2 | Ⓐ | Ⓑ | Ⓒ | Ⓓ | | 12 | Ⓐ | Ⓑ | Ⓒ | Ⓓ |
| 3 | Ⓐ | Ⓑ | Ⓒ | Ⓓ | | 13 | Ⓐ | Ⓑ | Ⓒ | Ⓓ |
| 4 | Ⓐ | Ⓑ | Ⓒ | Ⓓ | | 14 | Ⓐ | Ⓑ | Ⓒ | Ⓓ |
| 5 | Ⓐ | Ⓑ | Ⓒ | Ⓓ | | 15 | Ⓐ | Ⓑ | Ⓒ | Ⓓ |
| 6 | Ⓐ | Ⓑ | Ⓒ | Ⓓ | | 16 | Ⓐ | Ⓑ | Ⓒ | Ⓓ |
| 7 | Ⓐ | Ⓑ | Ⓒ | Ⓓ | | 17 | Ⓐ | Ⓑ | Ⓒ | Ⓓ |
| 8 | Ⓐ | Ⓑ | Ⓒ | Ⓓ | | 18 | Ⓐ | Ⓑ | Ⓒ | Ⓓ |
| 9 | Ⓐ | Ⓑ | Ⓒ | Ⓓ | | 19 | Ⓐ | Ⓑ | Ⓒ | Ⓓ |
| 10 | Ⓐ | Ⓑ | Ⓒ | Ⓓ | | 20 | Ⓐ | Ⓑ | Ⓒ | Ⓓ |

Markah Bahagian A

KERTAS SOALAN TAMAT